



PELUANG MENANGI HADIAH BERJUMLAH RM20,000 JIKA PATUHI MYPLUS-TTA SEMPENA CUTI PERAYAAN

Petaling Jaya, 2 Februari 2024:- Pengguna lebuh raya kendalian PLUS Malaysia Berhad (PLUS) berpeluang memenangi baucar membeli-belah bernilai RM20,000 apabila mematuhi perjalanan mereka yang telah didaftarkan dengan MyPLUS-TTA di dalam Aplikasi PLUS bagi perjalanan di antara 8 hingga 13 Februari sempena cuti Perayaan Tahun Baru Cina di mana jumlah trafik dijangka akan meningkat sehingga mencecah 2 juta kenderaan sehari.



My-PLUS TTA yang telah dilancarkan oleh Menteri Kerja Raya baru-baru ini, merupakan pendekatan digital PLUS untuk membantu orang ramai merancang dan memilih masa perjalanan yang paling sesuai. Inisiatif MyPLUS-TTA ini adalah komitmen dan sebahagian usaha PLUS untuk meningkatkan keselesaan para pengguna lebuh raya semasa musim-musim perayaan menerusi pengagihan trafik berdasarkan data dan pola perjalanan pada musim-musim perayaan yang lalu





Pengguna lebuh raya PLUS boleh mendaftarkan perjalanan mereka sekarang dan memilih waktu perjalanan yang paling optimum untuk perjalanan musim perayaan Tahun Baru Cina di antara 8 Februari hingga 13 Februari yang akan datang.

Seramai 115 pengguna lebuh raya PLUS yang mendaftar dan mematuhi waktu menerusi aplikasi MyPLUS-TTA dalam tempoh tersebut akan dipilih sebagai pemenang. Lima belas pemenang akan menerima hadiah utama yang berupa baucar beli belah yang bernilai RM1,000 setiap satu. Manakala, 100 pemenang saguhati pula bakal menerima 8,800 mata ganjaran PLUSMiles yang dikreditkan ke dalam akaun PLUSMiles mereka untuk menebus pelbagai ganjaran menarik seperti baucar kredit e-dompet atau aneka makanan dan minuman di R&R terpilih sepanjang lebuh raya PLUS.

Pengguna yang telah mendaftarkan pilihan waktu perjalanan mereka menerusi aplikasi MyPLUS-TTA akan turut mendapat akses kepada notifikasi maklumat trafik terkini terus ke telefon bimbit masing-masing berdasarkan destinasi dan tarikh perjalanan yang telah dipilih.

Aplikasi PLUS boleh dimuat turun secara percuma menerusi Google Play Store (bagi peranti Android) atau App Store (bagi pengguna iPhone).

-TAMAT-